

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

**A**pabila kita sebut sedekah, akan terlintas dalam fikiran kita perbuatan mengeluarkan harta sama ada berbentuk wang atau benda lain untuk diberikan kepada golongan memerlukan.

Islam amat menggalakkan umatnya bersedekah, berdasarkan penjelasan ayat al-Quran yang menyatakan betapa amalan itu mendatangkan pahala besar buat si pemberinya.

"Bandingan (derma) orang yang membelanjakan harta-nya pada jalan Allah ialah sama seperti sebijik benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji."

"Dan (ingatlah), Allah akan menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya." (Surah al-Baqarah, ayat 261)

Maha luas rahmat dan kasih sayang Allah yang membalas perbuatan baik dilakukan oleh hamba-Nya dengan pahala berganda.

Satu sedekah dibalas dengan tujuh ratus pahala seperti tujuh ratus benih yang tumbuh daripada satu benih saja.

Allah SWT Maha Kaya dan Maha Pemurah kepada setiap hamba-Nya yang bersedekah hanya kerana-Nya tanpa mengharapkan sebarang pujian atau balasan duniaawi.

Rahmat Allah itu sangat luas dan ia tidak dapat dinafikan sama sekali. Buktinya ialah Allah membuka pintu rahmat-Nya untuk mengurniakan pahala sedekah kepada golongan tidak memiliki harta seperti golongan kaya.

Perkara ini dijelaskan meruri jawapan Baginda SAW terhadap pertanyaan sahabat yang bertanyakan peluang

# Sinar Harian - 29/3/2016

# 1 sedekah 700 pahala

■ Allah membala perbuatan baik dilakukan hamba-Nya dengan pahala berganda

mereka meskipun tidak memiliki harta yang banyak.

Daripada Abu Dzar RA, bahawa segolongan manusia daripada kalangan sahabat Nabi SAW bertanya kepada Baginda SAW: "Wahai Rasulullah! Orang yang berharta (orang kaya) mendapat pahala (lebih banyak dari pada kami).

"Mereka menuaikan solat sebagai mana kami menuaikan solat, mereka berpuasa sebagai mana kami berpuasa dan mereka bersedekah dengan kelebihan harta mereka."

Rasulullah SAW menjawab: "Bukankah Allah telah menjadikan bagi kamu sesuatu untuk kamu bersedekah? Sesungguhnya dengan tiap-tiap tasbih (Subhanallah) itu sedekah dan tiap-tiap takbir (Allahu akbar) itu sedekah dan tiap-tiap tahil (La illaha illallah) itu sedekah."

"Dan menyuruh orang melakukan kebaikan itu sedekah dan melarang orang daripada melakukan kemungkaran itu sedekah." (Riwayat Muslim)

Lihatlah betapa besarnya rahmat Allah kepada setiap hamba-Nya yang melakukan kebaikan mengikut kapasiti masing-masing.

Orang berharta berpeluang untuk mendapat pahala menerusi sumbangan mereka kepada golongan memerlukan seperti orang fakir, miskin, anak yatim dan orang berhutang.

Namun, bagaimana pula bagi orang Islam yang tidak memiliki harta? Rezeki yang me-



SUMBANGAN  
amat perlu bagi  
membantu  
golongan dalam  
kesukaran.

**FAKTA**  
Selain harta benda,  
bertasbih, bertakbir  
dan bertahlil juga  
sedekah

reka ada hanya cukup untuk diri dan tanggungan mereka. Adakah mereka tidak berpeluang untuk meraih pahala sedekah seperti yang didapat orang kaya?

Jawapannya, orang yang tidak memiliki harta juga boleh mendapat pahala sedekah. Caranya ialah dengan memperbanyak zikrullah iaitu mengingat Allah dengan zikir yang memuji dan membersarkannya.

Sesungguhnya, tiada satulah makhluk pun yang dapat menandingi sifat kasih sayang dan pemurah Allah kepada sekalian makhluk ciptaan-Nya.

Selain itu, menyeru manusia agar melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkar antara perbuatan yang boleh mendatangkan pahala sedekah.

Perbuatan ini adalah tanggungjawab setiap Muslim kepada saudara seagamanya. Ia bukan pilihan, sebaliknya satu kemestian yang perlu dilakukan.

Muslim yang baik ialah mereka yang sentiasa mensiasati orang lain agar sentiasa melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkar.

Perkara ini dijelaskan oleh-Nya dalam al-Quran, maksudnya: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)." (Surah Ali-Imran, ayat 110)

Marilah kita merebut peluang disediakan oleh Allah untuk mendapat pahala sedekah yang amat istimewa ini. Dia menyediakan ruang dan peluang agar umat Islam terus berusaha untuk mendapat ganjaran pahala daripada-Nya.

**Penulis ialah pensyarah UniSZA**